


# DPMM berkenan terima mengadap



Duli Yang Teramat Mulia semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Indonesia ke Brunei Darussalam di Qashr Al-Meezan, kelmarin. - Gambar oleh Infototo

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Sept - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah, Timbalan Sultan, pagi tadi berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam,

Nurul Qomar yang akan menamatkan perkhidmatan. Beliau menyebarkan surat tauliah pelantikannya ke hadapan

majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Februari 2014. Majlis tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

## UNISSA terima kunjungan hormat menteri Singapura

Oleh Salawati Haji Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Sept - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan hormat hari ini daripada Menteri Sekitaran dan Sumber Air Republik Singapura, Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad.

Dalam kunjungan tersebut, rombongan dialu-alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Masagos Zulkifli serta rombongan kemudiannya diberikan taklimat ringkas mengenai sejarah penubuhan UNISSA yang telah berusia 10 tahun yang disampaikan oleh Dr. Haji Norarfan, diikuti dengan taklimat mengenai Pusat Penyelidikan Mazhab Shafie yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafie UNISSA, Dr. Azme bin Haji Matali.

Terdahulu, Masagos Zulkifli menjelaskan, setakat ini seramai 19 orang pelajar Singapura mengikuti pengajian di negara ini, di mana hasil daripada penelitian, pelajar-pelajar tersebut merasa selesa untuk mempelajari bidang agama di negara ini.

Beliau seterusnya menjelaskan, dalam perancangan, pihak Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) sedang merancang beberapa program bagi menubuhkan sebuah kolej yang bertaraf universiti dalam usaha melahirkan ulama, para pembimbing agama yang bukan sahaja tertumpu kepada ilmu agama tetapi juga mengenai kefahaman terhadap keperluan negara.

Antara lain tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk mengetahui lebih mendalam mengenai program yang ditawarkan di UNISSA, selain dapat melihat peluang kerjasama yang boleh diterokai bersama Singapura.

UNISSA pada awal penubuhannya mempunyai seramai 107 orang pelajar dan kini mempunyai lebih seribu orang



Yang Berhormat Pehin Haji Suyoi dan Masagos Zulkifli semasa kunjungan ke UNISSA kelmarin.

pelajar.


Peningkatan ini dijangka bertambah pada tahun akan datang dengan pengembangan program akademik yang lebih dinamik, relevan dan fleksibel yang ditawarkan di UNISSA pada masa akan datang.

Turut hadir semasa kunjungan itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Brunei, Lim Hong Huai serta pegawai-pegawai MUIS dan UNISSA.



Dr Haji Norarfan menyampaikan taklimat semasa kunjungan Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Singapura ke UNISSA, kelmarin.

## Brunei tandatangani konvensyen multilateral mengenai cukai



Datin Paduka Malai Hajah Halimah semasa menandatangani Konvensyen Multilateral mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai di Perancis, kelmarin.

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Sept - Brunei Darussalam telah menunjukkan komitmennya untuk membanteras pengelakan dan cukai di luar negeri dengan menandatangani Konvensyen Multilateral mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan di sini, hari ini, pen-

andatanganan konvensyen berkenaan telah diadakan semalam di Ibu Pejabat Pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (DECD), Perancis.

Menandatangani bagi pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik

Perancis, Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yusof di hadapan Timbalan Setiausaha Agung DECD, Masamichi Kono.

Menurut kenyataan itu lagi, penandatanganan berkenaan juga untuk melaksanakan pertukaran maklumat akaun kewangan secara automatik yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa dan ditetapkan oleh DECD.

Sebanyak 112 buah negara telah menyertai konvensyen berkenaan termasuk Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura.

Tujuan konvensyen tersebut adalah untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam membanteras pengelakan cukai rentas sempadan yang mana konvensyen itu merangkumi segala bentuk bantuan pentadbiran dalam perkara cukai seperti pertukaran maklumat mengenai permintaan, pertukaran spontan, pertukaran automatik, pemeriksaan cukai di luar negeri dan bantuan dalam kutipan cukai.